










# Lokasi kemudahan TRS di lapangan-lapangan terbang antarabangsa

## Pengembalian cukai untuk Pelancong

### Di mana terletak kemudahan TRS?

Kemudahan TRS terletak selepas kaunter pemprosesan keluar Kastam dan Imigresen di lapangan terbang antarabangsa di Sydney, Melbourne, Brisbane, Perth, Darwin, Cairns, Coolangatta dan Adelaide.

Juga terdapat kemudahan TRS di terminal kapal pesiaran di Circular Quay dan Darling Harbour di Sydney, dan di Cairns, Darwin dan Fremantle. Bagi Hobart dan pelabuhan-pelabuhan berlepas yang lain, anda harus menghubungi syarikat kapal pesiaran anda untuk menentukan sama ada kemudahan TRS disediakan di atas kapal.



**Petunjuk**

- Kemudahan TRS
- Kastam/Imigresen Kawalan Pasport
- Kawalan Keselamatan
- Pintu berlepas
- Kedai
- Tempat masuk

Translated and typeset by Ethnic Links (02) 6254 5770



Oktober 2002



Tourist Refund Scheme (Skim Wang Kembali Pelancong – TRS) membolehkan penumpang Australia dan luar negara menuntut balik goods and services tax (cukai barang dan perkhidmatan – GST) dan wine equalisation tax (cukai penyamaan wain – WET) yang dibayar bagi barang-barang yang dibeli di Australia.

### Apakah syarat-syarat skim ini?


TRS Australia berbeza berbanding dengan skim wang kembali di tempat lain di dunia. Untuk menuntut wang kembali di Australia, anda mesti memenuhi syarat-syarat berikut:



Membeli barang-barang tidak lebih daripada 30 hari sebelum berangkat dari Australia



Membelanjakan \$300 atau lebih (termasuk GST) di kedai yang sama



Meminta invoice cukai yang berjumlah \$300 atau lebih (termasuk GST) daripada peruncit dan



Membawa barang-barang bersama anda semasa anda meninggalkan Australia.

**Pihak Kastam berhak melihat semua barang jadi amat dinasihatkan supaya anda membawa barang-barang dalam bagasi tangan. Jika tidak, tuntutan anda mungkin ditolak.**

### Bagaimana saya dapat membuat tuntutan?

Tuntutan boleh dibuat sampai 30 minit sebelum waktu berlepas penerbangan anda yang dijadualkan. Pada hari berlepas anda mesti:

1. Menunjukkan barang-barang berikut kepada pegawai Kastam di kemudahan TRS:
  - pasport
  - invoid cukai yang asli
  - pas penumpang antarabangsa dan
  - barang-barang.

2. Memilih cara pembayaran:

- kad kredit
- akaun bank di Australia atau
- cek

Cek dibayar dalam beberapa jenis mata wang. Pihak Kastam berusaha membuat bayaran dalam masa 15 hari kerja.

### Bolehkah saya menuntut wang kembali atas semua barang?

Tidak. Namun, kebanyakan barang yang boleh dibawa sebagai bagasi bersama layak untuk wang kembali. Misalnya pakaian, barang kemas, kasut, kamera, barang-barang elektrik kecil, cenderamata dan wain.

### Apakah jenis barang yang TIDAK layak untuk mendapat wang kembali?

Perkhidmatan seperti penginapan, sewa kereta dan lawatan. TRS hanya mengembalikan GST atas barang-barang yang diekspor. Oleh sebab perkhidmatan digunakan di Australia sebelum berlepas, perkhidmatan tersebut tidak layak untuk wang kembali.

### Anda tidak boleh menuntut wang kembali atas:

- Bir, minuman keras dan keluaran tembakau
- Barang-barang ini dapat dibeli secara bebas cukai dan bebas GST di kedai bebas cukai.
- Barang-barang yang bebas GST

Beberapa jenis barang di Australia seperti keluaran kesihatan tertentu adalah bebas GST. Wang kembali tidak dapat dituntut jika tiada GST yang dibayar.

- Barang-barang pengguna

Barang-barang yang telah digunakan atau sebahagiannya digunakan di Australia seperti wain, coklat atau minyak wangi.

- Barang-barang berbahaya

Barang-barang seperti silinder gas, bunga api dan semburan aerosol dilarang dalam kabin pesawat terbang dan kapal bagi sebab keselamatan.

### Soal jawab

#### Apakah perbezaan antara invoid cukai dan resit?

Sebuah invoid cukai akan menyatakan perkataan "tax invoice" dengan jelas dan menyatakan Australian Business Number (Nombor Bisnes Australia – ABN) peruncit, harga belian termasuk GST yang dibayar, butir-butir barang, nama pembekal dan tarikh pembelian. Ini akan memberi bukti yang diperlukan oleh pihak Kastam untuk mengesahkan penjualan tersebut.

Invoid cukai yang melebihi \$1000 juga mesti menunjukkan nama dan alamat atau ABN pembeli.

Anda mesti meminta invoid cukai daripada peruncit apabila anda membuat pembelian. Sesetengah peruncit memberi invoid cukai sebagai resit biasa.

#### Bolehkah saya membeli barang dari mana-mana peruncit?

Anda boleh membeli barang dari mana-mana peruncit yang dapat memberi invoid cukai kepada anda. Sesetengah peruncit menunjukkan logo TRS di tingkat kedai mereka.

#### Bolehkah saya membeli barang dari beberapa kedai?

Ya, asalkan anda mempunyai satu invoid cukai yang berjumlah \$300 atau lebih (termasuk GST) daripada setiap kedai.

**Bagaimana jika saya membeli barang-barang yang harganya berjumlah \$300 atau lebih (termasuk GST) dari kedai yang sama selama beberapa hari dalam tempoh 30 hari?**

Anda mesti meminta agar peruncit menggabungkan semua pembelian anda ke dalam satu invoid cukai yang berjumlah \$300 atau lebih (termasuk GST). Pastikan peruncit akan melakukan hal ini sebelum anda membeli barang-barang tersebut.

### Bagaimana jika saya tidak dapat menunjukkan barang-barang saya?

Pegawai-pegawai Kastam di kemudahan TRS perlu berpuas hati bahawa barang-barang akan dibawa keluar dari Australia. Jika anda gagal menunjukkan barang-barang anda kepada pihak Kastam, tuntutan wang kembali anda mungkin ditolak.

### Pulang ke Australia?

Terdapat had-had yang dikenakan atas jumlah barang bebas cukai yang boleh anda bawa masuk ke Australia. Barang-barang bebas cukai yang dibeli di luar negeri atau dibeli di Australia sebelum berlepas, termasuk beberapa jenis barang yang dibeli di bawah TRS, akan termasuk semasa menentukan peruntukan bebas cukai anda. Barang-barang yang telah diberi kelulusan TRS mesti dilaporkan kepada pihak Kastam semasa anda pulang ke Australia.

Maklumat lanjut mengenai peruntukan bebas cukai anda terkandung dalam risalah *Know Before You Go* yang boleh diperolehi daripada pihak Kastam.

### Menghubungi Kastam

Telefon:	Di Australia – 1300 363 263 dengan kos panggilan tempatan. Di luar Australia – 61 2 6275 6666
Internet:	<a href="http://www.customs.gov.au">www.customs.gov.au</a>
E-mel:	<a href="mailto:information@customs.gov.au">information@customs.gov.au</a>

### Aduan dan Pujian

Telefon:	Di Australia – 1800 228 227 (panggilan percuma) Di luar Australia – 61 2 6275 6666
E-mel:	<a href="mailto:comments@customs.gov.au">comments@customs.gov.au</a>